



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 15/2012 (8 hingga 14 April 2012)

Pada Minggu lepas (8 hingga 14 April 2012), kes Denggi yang dilaporkan telah meningkat sebanyak 7% berbanding minggu sebelumnya setelah enam (6) minggu menunjukkan tren penurunan. Bilangan kes yang dilaporkan adalah 463 kes. Semua pihak perlu mengambil perhatian serius tentang situasi ini kerana melalui pengalaman yang lepas, kes Denggi boleh terus meningkat menjadi wabak tidak terkawal. Kemungkinan perkara ini berlaku adalah besar kerana tahap pembiakkan Aedes masih tinggi. Pemantauan Kementerian Kesihatan juga mendapati pada minggu lepas, kadar pembiakan Aedes di kebanyakan negeri yang mempunyai wabak adalah tinggi iaitu di antara 1.08% hingga 9.22%. Jumlah lokaliti wabak juga meningkat dari 88 kepada 102 pada minggu sebelumnya dan boleh terus meningkat jika tidak dikawal dengan segera.

Masyarakat perlu sedar bahawa tanggungjawab untuk membasmi demam Denggi bukan hanya oleh pihak Kementerian Kesihatan atau pihak yang berwajib semata-mata, tetapi ianya adalah tanggungjawab bersama individu dan masyarakat setempat. Jika di kawasan anda ada

menganjurkan aktiviti gotong-royong, diharapkan setiap isi rumah di kawasan tersebut mengambil bahagian dalam menjayakan aktiviti ini. Perlu diingatkan bahawa tempat pembiakan Aedes mungkin di sekitar rumah jiran-jiran anda tetapi risiko untuk anda dijangkiti demam Denggi masih boleh berlaku kerana nyamuk boleh terbang ke rumah yang berhampiran.

Terdapat satu (1) kematian dilaporkan minggu lepas setelah tiga (3) minggu tanpa kematian. Tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 20 kes (11%), Kedah 13 kes (108%), Sabah 9 kes (300%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 7 kes (14%), Kelantan 2 kes (13%), Sarawak 1 kes (6%) dan Johor 1 kes (3%).

Sehingga 14 April 2012, jumlah kes terkumpul yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 23% iaitu sebanyak 7,501 kes berbanding 6,105 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Begitu juga dengan kematian akibat Denggi, meningkat 100%, di mana sebanyak 18 kematian dilaporkan berbanding 9 kematian pada tahun 2011.

Satu (1) kematian demam Denggi yang dilaporkan minggu lepas adalah dari Pahang yang melibatkan seorang wanita berusia 41 tahun yang bekerja sebagai seorang pekerja am di sebuah sekolah. Tempat kediaman pesakit merupakan lokaliti wabak dan beliau merupakan kes yang ke 4 yang dilaporkan. Hasil pemeriksaan mendapati Kadar Pembiakan Aedes di tempat kediaman pesakit adalah tinggi iaitu 3.2%. Pembiakan dijumpai di dalam dua bekas plastik dan dua bekas tong cat. Tindakan penguatkuasaan telah diambil kepada empat pemilik premis yang membiak Aedes di mana kesemuanya telah dikenakan kompaun

maksima RM500. Sehubungan itu, orang ramai diingatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dan meluangkan masa selama 10 minit seminggu bagi mencari serta memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Justeru penularan jangkitan denggi yang boleh menyebabkan kematian dapat dielakkan.

Enam puluh peratus (60%) daripada lokaliti wabak keseluruhan disumbang oleh negeri Selangor dengan 61 lokaliti wabak yang melibatkan kesemua sembilan daerahnya. Di samping itu, satu lokaliti *hot spots* dilaporkan di Site B Sekinchan, daerah Sabak Bernam, Selangor dengan 10 kes. Berdasarkan penyiasatan di lokaliti terbabit didapati sikap penduduk yang tidak endah kepada kebersihan persekitaran dan tidak memberikan kerjasama telah menimbulkan masalah dalam aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

16 April 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 15/2012
(8 hingga 14 April 2012)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2012 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 15/2011 |
|------|------------------|---------------------------------------|---------------------------------|---|---|
| | | Minggu 15 (8 – 14 April 2012) | Minggu 14 (1 – 7 April 2012) | | |
| 1 | Perlis | 2 | 5 | 64 | 21 |
| 2 | Kedah | 25 | 12 | 223 (1) | 141 |
| 3 | P. Pinang | 14 | 21 | 273 (1) | 535 (1) |
| 4 | Perak | 35 | 38 | 540 (1) | 385 |
| 5 | Selangor | 206 | 186 | 3,370 (9) | 2,203 (2) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 58 | 51 | 798 (3) | 476 |
| 7 | N. Sembilan | 8 | 8 | 126 (1) | 209 |
| 8 | Melaka | 11 | 12 | 221 | 153 |
| 9 | Johor | 39 | 38 | 502 | 628 (4) |
| 10 | Pahang | 13 (1) | 16 | 226 (1) | 330 (1) |
| 11 | Terengganu | 6 | 10 | 279 | 276 (1) |
| 12 | Kelantan | 17 | 15 | 428 | 231 |
| 13 | Sarawak | 17 | 16 | 303 | 345 |
| 14 | Sabah | 12 | 3 | 143 (1) | 167 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 5 | 5 |
| | MALAYSIA | 463 (1) | 431 | 7,501 (18) | 6,105 (9) |

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 15
BAGI TAHUN 2012**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|------------|---------------|----------------------------|------------------|-----------------------|--|
| 1 | SELANGOR | Sabak Bernam | Site B Sekinchan | 10 | 38 |